

3,000 beg pasir benteng elak banjir

Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Daerah Manjung menggunakan + 3,000 beg guni pasir sebagai benteng bagi mengurangkan risiko kenaikan paras air berikutan fenomena air pasang besar di Kampung Bagan Panchor, Pantai Remis, dekat sini.

Juruteranya M Sasitharan berkata, ini berikutan kedudukan kampung itu yang terletak berhampiran dengan laut dan dikelilingi sungai antara faktor mudah dinaiki air.

Katanya, JPS mengambil langkah mengurangkan risiko banjir dengan menggunakan guni

berpasir sebagai benteng di beberapa kawasan yang dikenal pasti.

“Selain itu, faktor kawasan rendah turut menyebabkan ia berisiko dinaiki air apabila air pasang besar dan hujan lebat berterusan disusuli ribut.

“Justeru, kita meletakkan 3,000 beg guni pasir di lima kawasan dalam lingkungan jarak satu kilometer sebagai benteng di kawasan kampung ini sejak seminggu lalu sebelum fenomena ini berlaku dan ia membantu mengurangkan risiko dinaiki air,” katanya, di sini, semalam.